

12/10/1997

Krisis ekonomi tiada kaitan projek mega (HL)

Azhar Abu Samah; Noor Jaafar

KEMAMAN: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa krisis ekonomi yang dihadapi negara sekarang tidak mempunyai kaitan dengan pelaksanaan projek mega yang didakwa sesetengah pihak sebagai pembaziran.

"Kita dikecam kononnya mengadakan terlalu banyak projek mega yang tidak mendatangkan manfaat, akan menjejaskan ekonomi kita. Tetapi apa yang mereka buat (memanipulasi mata wang) sebenarnya telah menjejaskan ekonomi kita."

"Projek mega belum tentu menjejaskan ekonomi," kata Perdana Menteri sambil mengulangi kritikkannya terhadap spekulator mata wang yang sengaja menjatuhkan nilai ringgit hingga menyebabkan negara menjadi miskin.

Dr Mahathir berkata, tindakan pihak berkenaan juga menyebabkan projek besar seperti hidroelektrik Bakun di Sarawak, yang sebelum ini mampu dilaksanakan kerajaan, tidak dapat diteruskan.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan tidak pernah mengamalkan pembaziran dalam merancang serta melaksanakan projek pembangunan.

"Kita tidak membazir. Kita bukan buat patung Dr Mahathir atau patung mana-mana perdana menteri...negara lain buat patung dan tugu dan macam-macam untuk memperingati jasa orang lama, tetapi kita tak buat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Institut Teknikal Tinggi Terengganu (Tati) di Teluk Kalong di sini, semalam.

Turut hadir, isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mengenai langkah penjimatan kerajaan seperti penggunaan Proton Perdana bagi menteri Kabinet menggantikan kereta import, Dr Mahathir berkata, amalan itu seharusnya diteruskan walaupun ekonomi negara pulih selepas ini.

Dr Mahathir berkata, negara lain menghargai produk mereka sendiri seperti yang dialaminya ketika menjadi tetamu Presiden Perancis, Jacques Chirac.

"Dia sediakan kereta Renault kecil untuk kegunaan saya. Dia pun pakai kereta kecil sahaja."

"Sepatutnya kita berbangga dengan kereta sendiri. Saya sendiri guna Proton Perdana walaupun saya ada kereta lain yang sudah dibeli lama dahulu," katanya sambil menasihatkan rakyat agar menghargai dan berbangga menggunakan kereta tempatan dan bukannya Mercedes, BMW atau kereta besar import lain.

Dalam sidang akhbar itu, Dr Mahathir juga menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya lawatan kerja ke luar negara yang kerap dilakukan sebagai membazir.

"Saya pergi oversea bukan makan angin. Malah, pemberita yang mengikuti lawatan saya pun tak larat nak ikut (program)," katanya.

Menurut Dr Mahathir, masa untuk berehat pun beliau masih membuat kerja-kerja pejabat.

"Saya kena telefon balik, buat ucapan untuk itu dan ini dan pelbagai perkara nak kena buat. Staf saya yang ikut pun semua kena buat kerja. Kena menaip tak henti-henti," katanya.

Mengenai kenyataannya yang mengaitkan Yahudi dalam krisis mata wang, Dr Mahathir menjelaskan beliau hanya mengatakan secara kebetulan George Soros bangsa Yahudi dan secara kebetulan juga Malaysia mempunyai majoriti penduduk Islam.

"Ada orang buat tuduhan yang ini komplot Yahudi. Saya tak kata... tapi ada orang kata pada saya. Saya cuma beritahu sahaja."

"Kita tidak boleh tuduh dengan mudah macam itu. Nanti kita yang kena `kilas tangan'. Kita tak berani tuduh dan tidak akan tuduh. Ia cuma kebetulan. Kita juga mengaku negara bukan Islam kena juga," katanya.

(END)